

01 APR 1997

G-TWO AKAN BINA PUSAT DAGANGAN DUNIA TERAPUNG PERTAMA DI MELAKA

MELAKA, 1 April (Bernama) -- Syarikat berasaskan pembinaan, G-Two Holdings Bhd, yang merancang penyenggaraan di Papan Kedua Bursa Saham Kuala Lumpur, akan membina Pusat Dagangan Dunia terapung yang pertama Melaka di pinggir pantai Klebang.

Pusat dagangan berharga RM80 juta itu akan termasuk sebuah pusat persidangan dengan keupayaan 3,000 tempat duduk, sebuah pusat pameran, sebuah teater, sebuah rumah opera, helipad dan marina, pengerusi eksekutifnya Datuk Lim Huah Leong berkata.

Pembinaan pusat itu dijangka dimulakan pada bulan Jun dan akan siap menjelang akhir tahun 1999, beliau memberitahu pemberita selepas upacara memecah tanah projek itu oleh Ketua Menteri Datuk Seri Haji Mohd Zin Abdul Ghani hari ini.

Berhadapan dengan pusat itu ialah 457 unit kondotel mewah yang dikenali sebagai Berlian Permai yang akan dibina oleh syarikat itu, kata Lim.

Pembinaan projek kondotel Berlian Permai akan bermula minggu ini dan akan dilancarkan dalam masa dua minggu, kata Lim, sambil menambah G-Two menjangka meraih RM160 juta jualan.

Katanya syarikat itu mempunyai matlamat 30 hingga 40 peratus daripada pembeli dari Singapura dan Hong Kong dan selebihnya tempatan.

Kondotel itu mengandungi suite studio dan dua bilik tidur, dan berharga antara RM140,000 hingga RM300,000, manakala penthouse mewah berharga RM3.5 juta, tambahnya.

Kondotel Berlian Permai, yang terletak bersebelahan pantai seluas 1.6 hektar, mengandungi empat blok bangunan tinggi dengan kolam renang dan rumah kelab. Ia akan diuruskan oleh Swiss Garden International, sebuah pengendali rangkaian hotel di Malaysia.

Lim berkata jualan kedua-dua kondotel dan pusat terapung itu diunjurkan berharga RM250 juta.

Beliau juga berkata G-Two, syarikat Malaysia yang pertama beroperasi di Malawi di samping Telekom Malaysia Bhd, akan membina sebuah hotel RM100 juta di Bantyre dan juga sebuah kawasan penempatan baru seluas 800 hektar di negara itu.

"Upacara perletakan batu asas hotel itu akan dilakukan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa lawatannya ke sana Mei depan," katanya.

Projek itu akan dilaksanakan oleh Malawi Resort World Ltd, 74 peratus dikuasai oleh pelabur-pelabur Malaysia dan selebihnya oleh Malawi Development Corporation.

Syarikat itu juga akan membina dan mempertingkatkan lebuh raya Malawi, katanya, sambil menambah bahawa ini adalah atas permintaan kerajaan Malawi.

Lim berkata semua projek seberang laut akan dibiayai melalui pinjaman bank yang diatur oleh bank-bank luar pesisir Labuan.

Beliau juga berkata G-Two Holdings Bhd menjangka mendapat kelulusan Suruhanjaya Sekuriti bagi penyengaraiannya menjelang Julai tahun ini.

Syarikat itu mengemukakan permohonan pada Disember tahun lalu. Apabila disenaraikan, perniagaan utamanya ialah pembinaan. -- BERNAMA

YY OS/sia